

# **NILAI KESANTUNAN DALAM KONTEKS SOSIOBUDAYA MASYARAKAT MELAYU**

Noriati A. Rashid

## **Nilai Dalam Budaya Masyarakat Melayu**

Nilai menurut pandangan Kluckhohn dan Strodtbeck (1961:4), ialah sesuatu yang kompleks tetapi berpola dan berprinsip yang memberi arahan dan menjadi petunjuk terhadap perlakuan serta pemikiran manusia dalam mengatasi masalah. Nilai pada asasnya merupakan tanggapan yang mempengaruhi corak pilihan terhadap bentuk, alat, dan matlamat tindakan (Zainal Kling, 1980). Nilai juga dikatakan sebagai suatu prinsip kelakuan yang abstrak yang digeneralisasikan dengan memuatkan perasaan emosi yang kuat dalam pengiltizaman yang positif lalu memberikan suatu piawai untuk menetapkan sesuatu tindakan atau matlamat (Theodorson & Theodorson, 1979 dalam Amat Juhari, 2001:284). Sistem nilai memberikan rangka kerja untuk penganalisan norma-norma masyarakat, keunggulan, kepercayaan, dan kelakuan. Nilai menjadi ukuran dan pegangan tentang baik buruk atau cantik hodoh sesuatu perlakuan berasaskan kelaziman atau kebiasaan dalam sesuatu masyarakat (Wan Abdul Kadir, 2000:4).

Dalam masyarakat Melayu, ciri-ciri Islam menjadi asas kelakuan dan tindakan, bentuk dan hubungan, intisari nilai, sikap, dan pandangan. Islam menjadi jiwa dalam keseluruhan sosial dan budaya orang Melayu (Zainal Kling, 1980). Nilai Islam mempunyai hubungan yang organik dengan pandangan yang universal Islam tentang Tuhan, manusia, dan alam (Kamal Hasan, 1980). Nilai dalam kehidupan orang Melayu bersandarkan Islam memandangkan Islam ialah alternatif beragama bagi orang Melayu (T.A. Ridwan, 2001:270). Nilai-nilai Islam itu telah membentuk peraturan sosial yang dapat membina disiplin sosial lalu wujudlah hubungan sosial yang berkesan.

Nilai dalam masyarakat Melayu mempunyai hubungan tiga penjur, iaitu hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia, dan manusia dengan alam. Maka nilai yang paling utama pastinya berpandukan hubungan antara manusia dengan Tuhan, apa juga yang ditegah oleh Tuhan menjadi perkara yang mesti dielakkan oleh manusia. Sebaliknya apa yang diperintahkan-Nya perlu dilaksanakan sebaik mungkin. Tuhan telah memaklumkan apa yang baik dan apa yang tidak baik untuk manusia. Nilai-nilai yang dinyatakan-Nya itu berhubung dengan kehidupan sosial, ekonomi, politik, dan budaya. Tidak ada suatu pun perbuatan dan tindakan manusia yang terlepas daripada penilaian Allah, seperti firman Allah Taala tentang janji-Nya terhadap mereka yang berbuat dosa dalam surah al-Baqarah ayat 81 yang bermaksud:

*“Barang siapa berbuat dosa dan ia telah diliputi oleh dosanya, mereka inilah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.”*

Manakala dalam surah yang sama ayat 82 Allah berfirman lagi yang bermaksud:

*“Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh, mereka itu penghuni surga, mereka kekal di dalamnya.”*

Maka, nilai dalam kehidupan orang Melayu bersandarkan al-Quran dan Hadith (Wan Abd Kadir, 2000:13). Ciri-ciri Islam menjadi asas kelakuan dan tindakan, bentuk hubungan, intisari nilai, dan sikap serta pandangan sistem sosiobudaya orang Melayu. Ini jelas menerusi perbilangan adat yang berbunyi:

Adat bersendi hukum, hukum bersendi kitab Allah

Selain nilai terhadap perlakuan, orang Melayu juga memandang berat terhadap nilai berbahasa. Nilai terhadap bahasa menentukan jenis-jenis bahasa seperti bahasa halus, bahasa kesat, bahasa kasar, dan bahasa biadab. Setiap kata ada nilainya. Sehubungan itu, penggunaan bahasa perlu disesuaikan dengan keadaan, suasana serta golongan, dan peringkat yang berbeza (Amat Juhari, 2001:286). Seseorang perlu memahami sebab ia berkata-kata, apa yang dikatakan, bagaimana mengatakannya, kepada siapa ia berkata dan semua ini bergantung kepada konteks pertuturan tersebut (Kramsch, 1998:26).

Nilai menghormati orang lain kerap dikaitkan dengan sistem panggilan dan penggunaan ganti nama diri. Nilai menghormati orang yang lebih tua telah dipupuk sejak kecil lagi. Ini melahirkan sistem panggilan yang pelbagai dalam keluarga Melayu seperti panggilan Abang Long, Abang Ngah, dan Usu. Golongan yang muda sama sekali ditegah daripada membahaskan dirinya dengan 'aku' yang dianggap tidak santun malahan kasar apabila digunakan kepada orang yang lebih dewasa. Panggilan-panggilan seperti itu membina kehidupan yang penuh kasih sayang dan keakraban, malahan akan menghindarkan rasa benci dan permusuhan (T.A. Ridwan, 20001:271). Sistem panggilan itu menjadi satu nilai dalam penggunaan bahasa orang Melayu, apa lagi hal tersebut ditekankan oleh Islam menerusi firman Allah Taala dalam surah al-Hujaraat ayat 11 yang bermaksud:

*"...dan janganlah kamu panggil memanggil dengan gelar-gelar yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan yang buruk sesudah beriman."*

Hubungan kekeluargaan sememangnya telah menjadi tradisi budaya Melayu yang dikuatkan lagi dengan pengaruh Islam. Hubungan anak dengan ibu bapa merupakan nilai yang paling suci dan ini ditekankan dalam Islam menerusi Firman Allah Taala dalam surah al-Israa' ayat 23-24. Dalam ayat 23, Allah berfirman yang bermaksud:

*"...dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau keduanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya, "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia."*

Bagi menegakkan sistem nilai, orang Melayu menekankan beberapa konsep yang diutamakan dalam kehidupan seharian mereka, iaitu konsep malu, harga diri, maruah, dan air muka (Wan Abdul Kadir (2000:87). Semua ini menentukan tanggapan terhadap nilai dalam kehidupan orang Melayu. Islam menjadi asas dalam menentukan sempadan malu dan yang paling asas ialah manusia itu perlu malu terhadap Allah dan Rasulnya sekiranya mereka melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah Taala.

## Adat dan Tradisi Budaya Melayu

Adat ditakrifkan sebagai suatu bidang yang luas, meliputi cara hidup dan budaya dalam kegiatan sosial, ekonomi, politik, dan kepercayaan beragama. Adat juga merupakan perlakuan dan tingkah laku yang telah diterima oleh sesebuah masyarakat (Hornby & Parnwell, 1972). Pendek kata adat itu berupa peraturan sosial yang mengandungi kod etika dan moral yang berlandaskan nilai-nilai sosial (Wan Abdul Kadir, 2000:68). Segala perlakuan anggota masyarakat harus menepati adat yang telah terdapat dalam amalan masyarakat tersebut.

Orang Melayu mengamalkan perkongsian dalam apa jua perkara sama ada dalam hal yang senang atau pun hal yang susah. Adat hidup bermasyarakat itu mempengaruhi perlakuan yang memberatkan pihak lain dan sehubungan itu, penjagaan muka negatif<sup>2</sup> tidak begitu diberatkan. Ini bererti, penekanan adalah terhadap orientasi nilai berkumpulan yang mengutamakan kepentingan seluruh anggota masyarakat, seperti yang disebut oleh Gudykunst et al (1988:90) bahawa "*face giving*" dan "*face saving*" berbentuk spiral dalam jangka masa panjang bagi membolehkan kos dan ganjaran. Amalan tersebut telah mempengaruhi "*facework*" orang Melayu yang sekali gus menetapkan nilai kesantunan orang Melayu.

Orang Melayu sangat mementingkan perasaan orang lain dan dalam apa jua pertimbangan mereka sentiasa mengutamakan perasaan orang lain dan ini menjadi pertimbangan dan pengukur dalam membuat sebarang keputusan. Keadaan tersebut disebut oleh Ting-Toomey (1988) sebagai "*other-concern positive face*". Sebarang tindakan mereka akan mengutamakan pandangan dan penerimaan masyarakat sekelilingnya.

Kekuatan orang Melayu pada tradisi hidup bermasyarakat itu dapat dikesan menerusi pengucapan yang terdapat dalam bahan-bahan tradisi lisan dan tradisi rakyat seperti peribahasa, puisi, dan naratifnya. Ini adalah kerana bahan-bahan tersebut menggambarkan pemikiran orang Melayu terhadap kehidupan mereka<sup>3</sup>.

## Konsep Budi Bahasa Dalam Masyarakat Melayu

Budi dan bahasa ialah dua perkataan yang begitu sinonim yang kerap datang bersama sehingga lahir perkataan budi bahasa. Budi bahasa ialah unsur penting dalam kehidupan orang Melayu yang diasaskan daripada tingkah laku dan penggunaan kata-kata yang dipilih dengan cermat (Amat Juhari Moain, 2001:286). Kepentingan budi bahasa dalam kehidupan orang Melayu begitu jelas dengan pantun yang berikut:

*Yang kurik itu kundi  
Yang merah itu saga  
Yang cantik itu budi  
Yang indah itu bahasa*

Apabila budi digabungkan dengan bahasa lahirlah satu pengertian yang jelas, iaitu percakapan yang baik yang mengandungi tutur kata sempurna dan menyenangkan, penuh dengan sifat-sifat menghormati pihak lain, bersopan santun diiringi dengan akhlak yang mulia.

Konsep bahasa dalam masyarakat Melayu begitu penting sehingga dikatakan “bahasa tidak dijual beli” dan “hilang bahasa hilang bangsa”. Orang Melayu juga ada mengatakan “bahasa menunjukkan bangsa” yang menjelaskan bahawa orang Melayu meletakkan bahasa sebagai suatu perkara utama bagi menggambarkan bangsanya. Peribadi seseorang dapat dinilai menerusi bahasanya, kalau bahasanya santun dan halus, maka dia dikatakan berbudi bahasa, sebaliknya kalau bahasa yang digunakan itu kasar dan tidak menyenangkan pendengar, maka dia dikatakan kurang ajar. Bahasa juga memantulkan sikap, kepercayaan, pemikiran, dan secara langsung menggambarkan realiti budaya sesebuah masyarakat (Kramsch, 1998:3). Budaya juga dianggap sebagai satu pengaruh kuat terhadap cara masyarakatnya menggunakan bahasa dalam berkomunikasi (Gudykunst et al, 1988:17).

Budi bahasa di kalangan orang Melayu amnya dan umat Islam khususnya dikaitkan dengan hati atau kalbu. Mustaffa Haji Daud (1995:87-131), dalam bukunya “**Budi Bahasa dalam Tamadun Islam**” telah menghuraikan dengan jelas tentang konsep budi bahasa di hati dan bagaimana konsep hati itu dikaitkan dengan tindakan dan perlakuan manusia.<sup>4</sup>

## **Konsep Malu dan Jaga Maruah Diri**

Malu dapat dimengertikan sebagai suatu nilai suci dan murni yang menjadi asas kepercayaan dan diterima sebagai mutlak dan luhur yang merupakan maruah bangsa (Mohamed Mansor Abdullah, 1993:249). Menurut Islam, malu ialah perasaan yang mendesak seseorang supaya menghindarkan segala yang keji dan melaksanakan segala yang terpuji. Malu datang daripada hati yang sedar akan nilai diri yang percaya akan kekuasaan dan kebesaran Allah yang sentiasa memerhatikan gerak-geri manusia. Dengan itu, manusia perlu mengawal zahir dan batin daripada melakukan perkara-perkara yang mendatangkan kemurkaan Allah (Mustafa Abd Rahman, 1996:248).

Malu dibahagikan kepada dua jenis, iaitu malu asli dan malu yang wujud kerana memiliki ilmu mengenal Allah. Malu asli dikatakan sebagai perasaan malu yang menjadi tabiat semula jadi manusia sejak dilahirkan. Malu yang kedua itu pula terbentuk setelah manusia mengenal zat Tuhan yang maha Besar dan Maha Berkuasa berbanding diri manusia yang serba kekurangan (Mustafa Abd Rahman, 1996:249). Kedua-dua jenis malu itu akan membawa keselamatan kepada manusia kerana malu itu berupaya membina akhlak yang mulia yang mampu mencegah kemungkaran.

Konsep malu dalam masyarakat Melayu begitu luas dan menjadi asas didikan anak-anak. Menurut Zainal Kling (1980), konsep malu itu meliputi pelbagai segi pengertian termasuklah yang paling tinggi yang berkaitan dengan akhlak dan maruah individu, keluarga, dan masyarakatnya.

Seseorang perlu mengelakkan dirinya daripada menerima malu atau memberi malu kepada orang lain. Orang yang menerima malu, lazimnya

akan berasa tertekan dan mudah hilang pertimbangan. Dalam hikayat sastera klasik, terdapat beberapa peristiwa peperangan, pergaduhan, pembunuhan, dan amuk yang berlaku disebabkan seseorang itu dimalukan. Contohnya balas dendam Jebat ke atas Sultan Melaka kerana telah memalukan Tuah yang dijatui hukuman bunuh kerana dituduh bermukah dengan perempuan istana<sup>5</sup>. Seseorang yang mendapat malu akan tertekan dan sentiasa berusaha memulihkan malunya<sup>6</sup>.

Dalam masyarakat Melayu, malu itu bukan sahaja melibatkan perasaan sendiri bahkan sesuatu tindakan kita boleh juga memalukan keluarga dan masyarakat. Oleh itu, lahirlah peribahasa “**menconteng arang di muka**” yang bermaksud sesuatu perlakuan yang mendatangkan malu dan aib kepada keluarga. Antaranya sesuatu tindakan yang terkeluar daripada kehendak dan norma masyarakat, seperti seorang gadis “**kahwin lari**”, maka tindakannya dikatakan tindakan yang tidak ada rasa malu kerana telah melanggar adat masyarakatnya.

Anggota masyarakat yang sanggup memalukan diri sendiri dan ahli keluarganya dianggap tidak bermaruah. Maruah dan harga diri seseorang perlu dijaga dengan berpegang kuat pada konsep malu. Konsep malu dalam masyarakat Melayu adalah bertujuan untuk menjaga maruah dan air muka. Seseorang itu harus berasa malu apabila perlakuannya terkeluar daripada peraturan dan nilai yang telah ditetapkan oleh Islam. Tindakan dan perlakuan yang tidak menurut Islam dianggap tidak berakhlak.

Muka sangat berkait rapat dengan maruah diri sehingga tercipta pelbagai peribahasa yang berkaitan dengan muka. Antara peribahasa tersebut ialah, “**muka tembok**”, “**muka tarpal**”, “**muka sengkal**”, “**muka bantal**” atau “**muka papan**” yang kesemuanya ditujukan kepada seseorang yang tidak tahu malu (Mohd Tajuddin Haji Abd Rahman, 1999:149). Penciptaan peribahasa yang banyak itu tetapi mempunyai satu makna menunjukkan bahawa orang Melayu sangat mementingkan “**malu**” dan “**air muka**”.

Selain itu, malu juga boleh berpunca daripada penggunaan bahasa. Sewaktu berinteraksi, orang Melayu ditegah sama sekali menghina dan merendah-rendahkan peribadi seseorang. Perkataan yang keluar dari bibirnya hendaklah santun, tidak mengandungi unsur-unsur yang

memalukan diri, keluarga dan pihak lain walaupun sewaktu menyatakan sesuatu yang benar.

Mulut ialah salah satu anggota yang sangat perlu dijaga memandangkan mulut merupakan bahagian anggota yang mengungkapkan kata. Mulut boleh mendatangkan malu kepada diri sendiri dan orang lain. Oleh itu, penggunaan mulut pada setiap hari perlu dikawal dan orang Melayu sangat memberatkan perkara ini. Ini jelas dengan penciptaan peribahasa seperti “**kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa**”. Ini bererti, setiap anggota masyarakat perlu berhati-hati ketika bercakap, kalau tersalah cakap akan menyebabkan sesuatu padah. Orang Melayu juga tidak boleh menerima orang yang menggunakan mulutnya untuk menyampai-nyampaikan cerita orang lain daripada seorang kepada seorang yang lain sehingga dia dikatakan seperti “**mulut tempayan**”. Percakapan seseorang juga tidak boleh berlebih-lebih kerana ini boleh menimbulkan kebosanan orang lain terhadapnya sehingga dianggap seperti “**mulut murai**”.

Selain mulut, orang Melayu juga memberatkan penggunaan lidah kerana lidahlah yang membentuk kata-kata. Penjagaan lidah sama penting dengan penjagaan mulut kerana itu ada peribahasa yang berkaitan dengan lidah yang buruk seperti “**lidah bercabang**”, “**lidah buaya**”, “**lidah tidak bertulang**”. Namun, sekiranya lidah itu digunakan secara positif, maka dikata “**lidah manis**” dan “**lidah pendita**” (Mohd Tajuddin Haji Abd Rahman, 1999:127).

Dalam membincangkan tugas mulut dan lidah, kita tidak boleh mengabaikan soal hati. Ini adalah kerana hatilah yang mendorong sesuatu ungkapan yang ditugaskan kepada lidah dan mulut. Oleh itu, ujaran menggambarkan hati. Ujaran yang tidak membawa kemunggaran datang daripada hati yang penuh ketakwaan.

Perkara ini ada disebut oleh Raja Ali Haji (2000:8) di dalam gurindamnya seperti yang berikut:

*“Apabila terpelihara lidah,  
Nescaya dapat daripadanya faedah”*



Manakala mengenai hati pula, Raja Ali Haji seterusnya berkata:

*“Hati itu kerajaan di dalam tubuh,  
Jikalau zalim, segala anggota pun roboh.”*

Jelaslah bahawa malu itu suatu nilai yang mengawasi perlakuan manusia daripada melakukan perkara-perkara mungkar yang boleh menjejaskan maruah diri. Sehubungan itu, manusia perlu mengawasi perlakuannya sama ada perlakuan tanpa bahasa atau perlakuan berbahasa daripada melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah.

## **Strategi Kesantunan Berbahasa Orang Melayu**

Sistem nilai dan norma orang Melayu sangat mempengaruhi strategi berbahasa masyarakat ini. Keutamaan terhadap penjagaan muka daripada mendapat aib dan malu mendorong orang Melayu begitu berhati-hati dalam setiap perlakuan. Penjagaan muka itu tidak terbatas hanya kepada diri individu itu sendiri, bahkan turut dipertimbangkan ialah penjagaan muka ibu bapa, seluruh kaum keluarga, serta masyarakat sekeliling. Nilai orang Melayu yang meletakkan peraturan Islam sebagai pegangan telah melahirkan strategi-strategi berbahasa yang menonjolkan hubungan rapat antara orang Melayu dengan Allah Taala. Sehubungan dengan itu, lahirlah pelbagai strategi berbahasa dalam pertuturan orang Melayu yang menggambarkan hubungan manusia dengan Allah Taala dan hubungan manusia sesama manusia. Salah satu strategi yang digunakan oleh orang Melayu dalam pertuturan ialah Strategi Ungkapan Rabbani. Ungkapan Rabbani ialah perkataan-perkataan yang merujuk kepada kebesaran Allah Taala dan kekerdilan manusia. Strategi Ungkapan Rabbani terdiri daripada ungkapan-ungkapan doa, tawakkal, kesyukuran, insya-Allah, dan salam.

Satu kajian telah dijalankan ke atas kesantunan orang Melayu dalam rundingan pertunangan untuk menyingkap strategi kesantunan orang Melayu dalam rundingan pertunangan. Kajian tersebut telah membuktikan bahawa Ungkapan Rabbani telah dipilih sebagai salah satu strategi. Kajian dijalankan dengan merekodkan rundingan antara wakil perempuan dengan wakil lelaki. Hasil kajian terhadap 19 rundingan pertunangan yang mengandungi sebanyak 3266 ujaran mendapati

bahawa sebanyak 236 (7.23%) Ungkapan Rabbani telah digunakan dalam rundingan pertunangan.

### **Strategi Ungkapan Rabbani**

Ungkapan Rabbani bermaksud ujaran yang mengandungi ungkapan-ungkapan yang menunjukkan kebesaran Allah secara langsung. Ungkapan Rabbani juga menunjukkan kekerdilan manusia yang sentiasa percaya bahawa setiap perkara hanya boleh berlaku dengan izin Allah Taala. Ungkapan Rabbani mempamerkan hubungan manusia dengan Allah Taala. Sehubungan itu, strategi ini akan ditemui pada awal, pertengahan atau akhir rundingan, iaitu di mana-mana sahaja selagi sesuai dengan konteks percakapan. Strategi ini merupakan strategi yang turut menggolongkan ungkapan-ungkapan dalam bahasa Arab atau bahasa Al-Quran. Sebanyak 5 jenis Ungkapan Rabbani telah muncul dalam rundingan pertunangan dan akan dibincangkan seperti yang berikut.

### **Strategi Doa**

Strategi ini mengambil kira ungkapan *bismillah*, *fatihah* atau doa yang bermaksud memohon kebaikan dan perlindungan daripada Allah Taala. Strategi ini tergolong dalam ungkapan yang menggunakan sepenuhnya dalam bahasa Arab dan dilafazkan terlebih dahulu sebelum penutur membincangkan perkara-perkara lain. Doa kerap didapati dilafazkan sewaktu memulakan atau mengakhiri sesuatu majlis seperti rundingan, mesyuarat atau perjumpaan yang lebih bersifat rasmi. Doa secara spontan dilafazkan apabila seseorang hendak memulakan sesuatu perbuatan. Strategi Doa juga turut digolongkan dalam sesuatu ujaran yang berupa ajakan untuk berdoa yang mengandungi ungkapan “semoga” atau “mudah-mudahan” yang merupakan harapan penutur kepada Allah. Strategi ini menunjukkan bahawa penutur meletakkan Allah di tempat utama sebelum meneruskan urusan sesama manusia. Strategi ini merupakan amalan yang santun menurut perspektif Islam kerana telah menggambarkan kebesaran Allah dan mengakui kekerdilan manusia.

Strategi Doa menjadi amalan kepada orang Melayu memandangkan Islam yang dianuti menegaskan kepentingan doa sebagai suatu amalan hidup sekiranya manusia menginginkan keberkatan dan rahmat-Nya. Dalam ikatan pertunangan, harapan pasangan yang bertunang serta keluarga agar ikatan pertunangan akan sampai ke jinjang pelamin adalah tinggi. Doa memainkan peranan untuk menggambarkan harapan yang disandarkan kepada kebesaran Tuhan yang akan menentukan harapan tersebut terlaksana. Fahaman tersebut jelas sebatu dalam kehidupan orang Melayu berpandukan surah al-Baqarah ayat 186 yang bermaksud:

*“Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku Maka (jawablah), bahawasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia memohon kepada-Ku, maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku, agar mereka selalu berada dalam kebenaran.”*

Dalam kajian ini, bacaan surah Al-Fatihah dan doa dalam bahasa Arab tidak ditranskripkan, sebaliknya sekadar memasukkannya sebagai strategi yang terdapat dalam percakapan seseorang penutur. Oleh itu, contoh strategi dalam bahasa Arab tidak dipaparkan. Berikut ialah contoh Strategi Doa yang terdapat di dalam ujaran rundingan pertunangan.

- i. Wakil Perempuan: *“Jadi kalau macam ni, selalu benda-benda ni saya minta jaublah daripada Allah s.w.t”.*
- ii. Wakil Perempuan: *“Dan kami berdoa dan berharap semoga harapan begini adalah ke situ”.*
- iii. Wakil Perempuan: *“Doa kasih kekal berpanjangan”.*
- iv. Wakil Perempuan: *“Jadi bagi meneruskan hajat kita ke hadapan, moleklah sekali kita memulakan pertemuan kita pada hari ini dengan membaca Ulmul Kitab, al- Fatihah”.*
- v. Wakil Lelaki: *“Jadi “wamantasya’illah, aiyasya’allah”, ya?”*

*Jadi kita pun bacalah tiap-tiap pagi Jumaat tu. Wamantasya'illah, aiyasya'allah. Jadi apa yang kita hendak segala-galanya Dalam kehendak Allah."*

- vi. Wakil Lelaki: *"Mudah-mudahan ianya menjadi keberkatan. Menjadi panduan dan keberkatan kita bersama dalam kita menjalani kehidupan ini. Mudah-mudahan ianya akan diberkati Allah. al-Fatihah..."*
- vii. Wakil Perempuan: *"Dan kita sama-sama berdoa kepada Allah s.w.t. apa yang kita hajatkan dan apa yang kita rancangan pada malam ini akan menjadi kenyataan"*
- viii. Wakil Perempuan: *"Dan kita sama-sama berdoa kepada Allah s.w.t. pada malam ini, minta perkara-perkara yang tak elok tak akan berlaku"*
- ix. Wakil Perempuan: *"Harapan kita ada ramai di sini berdoa pada Allah s.w.t. kabul permintaan kita, hajat kita"*

## **Strategi *Alhamdulillah* Dan Bersyukur**

Strategi ini digambarkan menerusi ungkapan "*alhamdulillah*", "bersyukur" atau ungkapan-ungkapan yang membawa maksud kesyukuran. Strategi ini menggambarkan rasa bersyukur dan berterima kasih kepada Allah kerana memberi kebaikan kepada penutur atau kepada keluarga. Strategi ini turut menggambarkan perasaan gembira dan berperanan memberitahu pasangan rundingan bahawa penutur menyenangi perlakuan dan tindakannya. Selain itu, strategi ini digunakan untuk memberikan tindak balas positif seperti persetujuan setelah mendengar sesuatu pernyataan atau maklumat. Hubungan antara manusia dengan Allah jelas tergambar menerusi strategi ini kerana

ungkapkan “alhamdulillah” menunjukkan penutur mengakui setiap kebaikan yang diterima datang daripada Allah. Secara tidak langsung, strategi ini mengelak sikap sombong dan meninggi diri. Strategi ini juga sehati dalam amalan pertuturan orang Melayu memandangkan terdapat banyak ayat di dalam al-Quran yang menegaskan kepentingan mensyukuri nikmat yang diterima oleh manusia. Salah satu ayat yang menegaskan perkara tersebut terdapat dalam surah Ibrahim ayat 7 yang bermaksud:

*Dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memaklumkan:  
Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti kami akan menambah  
(nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih.”*

Contoh ujaran yang mengandungi strategi *Alhamdulillah* dan Bersyukur adalah seperti dalam ujaran yang berikut:

- i. Wakil Lelaki: *“Alhamdulillah, pertama, kami bersyukurlah yang rombongan kami yang agak jauh perjalanannya sudah datang. Ha...sampai tepat-tepat, Alhamdulillah”.*
- ii. Wakil Perempuan: *“Bersyukur kita kepada Tuhan kerana kita dapat berkumpul di sini dengan satu tujuan”.*
- iii. Wakil Perempuan: *“Syukur Alhamdulillah kita diberi kesihatan, dipanjangkan umur. Cuaca pun cerah, kalau dikira langit pagi tadi macam nak hujan. Tapi Alhamdulillah, Tuhan tu amat kaya.”*
- iv. Wakil Perempuan: *“Jadi walau bagaimanapun, seperti yang dikatakan tadi, dengan keredhaan Allah s.w.t. mereka sampai juga dengan selamat”.*
- v. Wakil Perempuan: *“Alhamdulillah, syukur saya kepada Allah s.w.t. dengan limpah kurnia-Nya pada pagi Ini dapat kita berkumpul”.*

- vi. Wakil Perempuan: *“Alhamdulillah, hajat tu sekarang kita tengoklah, saya nak bagi jawab pun tak boleh.”*
- vii. Wakil Perempuan: *“Ha...tu dia jawapan dia setuju, Alhamdulillah”.*
- viii. Wakil Perempuan: *“Tak dak merah tak dak putih Tak dak yang marah tak dak yang letih, Alhamdulillah”.*
- ix. Wakil Lelaki: *“Kami bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana kehadiran kami ditunggu dengan meriah. Alhamdulillah”.*

## Strategi Salam

Strategi ini ditemui semasa penutur memulakan rundingan yang boleh dianggap sebagai salah satu cara penutur menegur mesra atau menyapa hadirin. Salam yang diucapkan dalam bahasa Arab itu sudah sebatik dalam pertuturan orang Melayu. Hal ini berdasarkan dapatan yang menunjukkan bahawa ungkapan tersebut terdapat dalam semua majlis rundingan, sama ada diucapkan pada awal rundingan atau sewaktu penutupan rundingan.

Ungkapan salam telah sebatik sebagai amalan di kalangan orang Melayu memandangkan Islam menegaskan perlakuan ini sebagai satu penghormatan. Hal ini begitu jelas menerusi surah an-Nur ayat 27, surah an-Nisa' ayat 86 dan surah al-Dzariyat ayat 24. Seperti yang difirmankan Allah Taala dalam surah an-Nisa' ayat 86 yang bermaksud:

*“Jikalau engkau semua diberi penghormatan dengan penghormatan, yakni salam, maka jawablah penghormatan atau salam itu, dengan yang lebih baik daripadanya atau balaslah yang serupa dengannya”*

Dalam kajian yang dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa bilangan salam yang diucapkan dalam sesuatu rundingan tidak dapat ditentukan.

Dua kali salam, iaitu pada permulaan rundingan dan akhir rundingan didapati paling kerap terdapat dalam majlis rundingan pertunangan. Bilangan salam bergantung juga kepada bilangan peserta dalam rundingan. Lazimnya peserta baru dalam rundingan akan mengucapkan salam sebelum memulakan percakapannya. Hal ini jelas apabila ada majlis yang mengandungi 5 hingga 8 kali salam. Dengan berdasarkan Jadual 1 ditunjukkan taburan salam dalam majlis rundingan pertunangan.

Jadual 1: Taburan Kekerapan Strategi Salam

Kekerapan Strategi Salam	Bilangan Majlis Pertunangan (MP)	Peratusan
Sekali	4 MP	21.05 %
Dua Kali	7 MP	36.85 %
Tiga Kali	3 MP	15.79 %
Empat Kali	3 MP	15.79 %
Lima Kali	1 MP	5.26 %
Lapan Kali	1 MP	5.26 %
Jumlah Ungkapan Salam 52	Jumlah MP: 19	100.00 %

Salam juga dapat diucapkan dengan mengirimkannya melalui seseorang. Contohnya adalah seperti yang berikut:

Wakil Lelaki: *“Tapi sebelum daripada itu saya menyampaikan salam daripada keluarga-keluarga saya yang berada di Bukit Gantang kepada keluarga-keluarga di sini dengan lafaz, Assalammualaikum”.*

### Strategi *Insyah-Allah*

Strategi ini digunakan sewaktu penutur memberikan respons terhadap sesuatu pernyataan yang berkaitan dengan tindakan pada masa akan

datang. Ungkapan “*insya-Allah*” walaupun merupakan ungkapan dalam bahasa Arab yang bermaksud “dengan izin Allah”, tetapi telah sebatik dalam masyarakat Melayu dan diungkapkan secara spontan sama ada untuk menunjukkan persetujuan atau sebagai ungkapan janji. Lazimnya, strategi ini ditemui apabila seseorang penutur memperkatakan ha-hal akan datang, yang tiada siapa yang dapat memastikan sama ada sesuatu yang dirancang, dijangkakan dan diharapkan memang akan terlaksana. Dalam sesuatu rundingan seperti rundingan pertunangan, banyak perancangan dirundingkan untuk dilaksanakan pada masa akan datang. Oleh itu, Strategi ini menjadi salah satu strategi kesantunan berbahasa di kalangan orang Melayu apabila ungkapan tersebut mempamerkan kekerdilan manusia dan menggambarkan sikap merendah diri manusia apabila tidak tahu tentang perkara yang akan datang melainkan hanya dalam pengetahuan Allah Taala. Ungkapan “*Insya-Allah*” membuktikan hubungan yang kuat antara manusia dengan Allah dan manusia tidak dapat menafikan kebesaran Allah. Yang berikut ialah contoh ujaran yang menggunakan Strategi *Insya-Allah*.

- i. Wakil Lelaki: “*Insya-Allah kami akan hantar*”.
- ii. Wakil Perempuan: “*Insya-Allah kita akan teruskan*”.
- iii. Wakil Lelaki: “*Masa tu pun, insya-Allahlah*”.
- iv. Wakil Perempuan: “*Insya-Allah, kalau panjang umur dapatlah dalam masa setahun kita bertemu lagi*”.
- v. Wakil Lelaki: “*Insya-Allah belanja mas kahwin saya akan bawa pada masa akad nikah*”.
- vi. Wakil Lelaki: “*Belanja besarnya yang lima ribu, insya-Allah saya bawa bila pihak perempuan perlukan*”.
- vii. Wakil Perempuan: “*Kalau apa yang dibawa kita terima dan insya-Allah kita akan balas*”.



- viii. Wakil Perempuan: *“Adalah kita sediakan rumah bertanggak kata orang, rumah tempat berehat dulu untuk bersiap, insya-Allah”.*
- ix. Wakil Lelaki: *“Jadi, kalau mengikut perjanjiannya, lagi lima ribu insya-Allah kami akan hantar”.*
- x. Wakil Lelaki: *“Di hari akad nikah nanti, insya-Allah kami akan bawa seratus satu ringgit tunai berserta sepersalinan, insya-Allah”.*

## **Strategi Tawakkal**

Strategi ini digunakan dalam ujaran yang bermaksud penyerahan manusia kepada Allah dalam menentukan buruk atau baik sesuatu kejadian. Secara tidak langsung, penutur mempamerkan sikap merendah diri kepada Tuhan yang Maha Berkuasa. Bagi orang Melayu, Islam telah membina keyakinan dan kepercayaan yang tinggi bahawa kejadian pada masa akan datang berada di tangan Allah Taala. Penyerahan yang begitu kuat merupakan amalan bertawakkal dan hal ini dipegang memandangkan terdapat beberapa surah di dalam al-Quran yang menegaskan kepentingan bertawakkal, antaranya terdapat di dalam surah al-Imran ayat 173-174, al-Furqan ayat 58, Ibrahim ayat 11, dan at-Thalaq ayat 3. Di dalam surah al-Imran ayat 159 Allah berfirman yang bermaksud:

“Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal.”

Dalam rundingan pertunangan, strategi ini muncul sewaktu wakil merundingkan jangkaan atau sesuatu kemungkinan yang berlaku seperti ingkar atau kemalangan sehingga menyebabkan ikatan pertunangan tidak dapat diteruskan dengan perkahwinan. Didapati, penutur enggan menyebut perkara buruk atau malang. Mengetengahkan perkara-perkara yang menghalang perkahwinan yang dirancangan mengancam muka semua pihak, sama ada pihak yang bertunang atau pun keluarga. Namun, dalam rundingan pertunangan perkara tersebut dikemukakan bagi

memastikan tindakan yang akan diambil pada masa akan datang sekiranya perkara-perkara demikian berlaku. Strategi Tawakkal merupakan strategi yang mampu mengurangkan ancaman muka dan rasa kurang senang sama ada di kalangan penutur atau pendengar.

Yang berikut ialah contoh Strategi Tawakkal.

- i. Wakil Perempuan: *“Yang menentukan Allah, bukan?”*
- ii. Wakil Perempuan: *“Kalau dah takdir kita tak boleh nak kata apa dah kan?”*
- iii. Wakil Lelaki: *“Kalau diizinkan Allah”.*
- iv. Wakil Perempuan: *“Maklumlah, ini semua dalam izin Allah kan”.*
- v. Wakil Lelaki: *“Jadi apa yang kita hendak segala-galanya dalam kehendak Allah”.*
- vi. Wakil Lelaki: *“Kematian tu kehendak Allah kan?”*
- vi. Wakil Lelaki: *“Di atas keizinan-Nya dapat kami sampai ke sini”.*
- vii. Wakil Perempuan: *“Cacat tu dengan takdir Allah S.W.T nya lah. Dengan takdir-Nya mana tahu. Ha... dengan takdirnya, maknanya begitulah”.*

## Kesimpulan

Dengan berdasarkan penjelasan tentang latar belakang sosiobudaya orang Melayu, maka kajian ke atas fenomena kesantunan orang Melayu perlulah berada dalam kerangka nilai-nilai Islam. Kesantunan dalam kehidupan masyarakat Melayu tidak hanya terbatas dalam perlakuan berbahasanya sahaja, bahkan turut melibatkan perlakuan adat. Kesantunan orang Melayu berjaya dilihat apabila keseluruhan nilai

sosiobudaya orang Melayu difahami. Dalam melihat fenomena berbahasanya, Gumperz (1993:193), menjelaskan bahawa kajian tentang penggunaan bahasa perlu dilakukan dalam konteks sosial dan hubungannya dengan norma, nilai, dan ciri-ciri budaya yang menguasai percakapan masyarakat tersebut. Selain itu, Lakoff (dalam Khaidi Zhan, 1992:), menjelaskan bahawa kajian ke atas fenomena kesantunan antara budaya adalah penting untuk menjelaskan aspek kesantunan yang universal dan kesantunan yang hanya terdapat dalam masyarakat tersebut sahaja. Jelaslah di sini bahawa konteks sosiobudaya penting dalam memahami kesantunan orang Melayu.

## Nota

- <sup>1</sup> Menilik atau meramal untuk melihat kesesuaian pasangan dengan membuat pengiraan terhadap nama pasangan. Lihat Amran Kasimin, (2002:11-17).
- <sup>2</sup> Menurut Brown dan Levinson, muka negatif ialah kehendak individu agar hak dan kebebasannya dipertahankan (1987:61).
- <sup>3</sup> Asmah Omar menjelaskan hal ini dalam bukunya Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu, 1986:178.
- <sup>4</sup> Beliau mengibaratkan budi bahasa itu seketul air batu yang separuh berada di permukaan air yang boleh dilihat, manakala separuh lagi tenggelam di dalam air dan tidak dapat dilihat. Namun apa yang terpancar di luar yang jelas boleh dilihat sebenarnya datang dari hati dan kalbunya yang tersembunyi. Niat yang ikhlas itu tersembunyi di dalam hati tetapi niat itu akan kelihatan menerusi tindakan dan perlakuannya. Sehubungan itu, hanya orang yang berniat baik sahaja yang ada budi bahasa.
- <sup>5</sup> Dalam Drama Tuah Jebat oleh Abdul Rahman Napiah (1994:76), Jebat berkata kepada Tuah yang berbunyi, “Aku mesti menuntut bela daripadanya sebiji mata dengan sebiji mata, tulang yang patah dengan tulang yang patah, air mata dengan air mata, darah dengan darah, malu dengan malu. Dia menghukum engkau dengan hukuman yang memalukan...”

- <sup>6</sup> Setelah Jebat merampas istana Melaka, Sultan bertitah kepada Tuah “Basuhkanlah arang di mukaku” seperti yang terdapat dalam A. Samad Ahmad (2003:140).

## Rujukan

- A. Samad Ahmad, 2003. *Sulatus Salatin Sejarah Melayu: Edisi Pelajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain, 1985. *Sistem Panggilan Dalam Bahasa Melayu*. Suatu analisis sosiolinguistik. Tesis Ph.D. Akademi pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- \_\_\_\_\_, 2001. “Nilai Rasa Dalam Bahasa Melayu”. Dalam Yaacob Harun, *Kosmologi Melayu*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Amran Kasimin, 2002. *Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Bahasa Dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, P., & Levinsons, S., 1987. *Politeness: Some Universal in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Gumperz, J. J., 1970. “Sociolinguistics and communication in small groups. Language behaviour research laboratory”, working paper no 33. Berkeley: University of California.
- \_\_\_\_\_, 1972. “Introduction”. Dalam Gumperz, J.J., & Hymes, H.M. Saidin. (1964). *Asal Usul Adat Resam Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Khaidi Zhan, 1992. *The Strategies of Politeness in Chinese Language*. Berkeley. Institute of East Asian Studies, University of California.

- Kramsch, C., 1998. *Language And Culture*. Oxford: Oxford University Press.
- Mohd Kamal Hassan, 1980. "Nilai-nilai Universal Islam Tentang Kesejahteraan Masyarakat". Dalam *Seminar Nilai dan Norma masyarakat Malaysia*. Kementerian Kebudayaan Belai dan Sukan, Malaysia & Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kota Kinabalu. 10-11 Mac. Kota Kinabalu.
- Mohd Tajuddin Haji Abd Rahman, 1999. *Kamus Peribahasa Melayu Untuk Pelajar*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mustafa Abdul Rahman, 1996. *Hadith 40: Terjemahan dan Syarahannya*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Mustafa Haji Daud, 1993. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distrubutors Sdn Bhd.
- Mustafa Haji Daud, 1995. *Budi Bahasa Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Ali Haji, 2000. "Gurindam Memelihara Anggota Dan Hati Daripada Kejahatan". Dalam *Antologi Kerusi*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- T.A. Ridwan, 2001. "Bahasa Melayu: Peranan Dan Nilai-nilai Moralisme Di Dalamnya". Dalam Yaacob Harun, *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Wan Abdul Kadir, 1998. "Tradisi Budaya Melayu Berteraskan Islam". *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 8:82-97*.
- \_\_\_\_\_, 2000. *Tradisi Dan Perubahan Norma Dan Nilai Di Kalangan Orang-orang Melayu*. Kuala Lumpur: Masfami Enterprise.
- Yayasan Penyelenggara Terjemah/Pentafsir Al-Quran, 1991. *Al Quran Dan Terjemahannya*. Mujamma' Al Malik Fahd Li Thiba Mush-Haf Asy-Syarif Medinah Munawarah.

Zainal Kling, 1980. "Sistem Nilai Tradisi Melayu". *Kertas Kerja Dalam Seminar Nilai Dan Norma Masyarakat Melayu*. Kota Kinabalu, 10-11 Mac 1980.

\_\_\_\_\_, 1997. "Tradisi Kemodenan: Telaah Tentang Reflexivity". Dalam Norazit Selat, Dato' Hashim Awang, & Noor Hisham Osman, *Meniti Zaman Masyarakat Melayu Antara Tradisi Dan Moden*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Zainal Kling, 2001. "Ruang Sosial Masyarakat Melayu". Dalam Yaacob Harun, *Kosmologi Melayu*. Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur.